

Media Title : Utusan Sarawak  
Headline : Perpaduan kaum nilai utama Sarawak  
Date : 17 May 2022  
Page : 17

## Perpaduan kaum nilai utama Sarawak



**PENGHARGAAN...** Pengerusi pengelola Donny menyerahkan cenderamata kepada Milton Foo. Turut hadir Penghulu Tan dan pengerusi JKKK Kapitan Phang.

**KUCHING:** Sarawak merupakan satu negeri yang kaya dengan keharmonian pelbagai kaum.

Setiausaha Agung Pemuda Parti Rakyat Bersatu Sarawak (SUPP) Milton Foo berkata demikian ketika menghadiri sambutan pra Gawai

Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan (JKKK) Kawasan Jalan Foochow Kuching di Dewan Komuniti Kenyalang Parak (KPCA).

"Kita menyambut perayaan Gawai tanpa mengira kaum,

bangsa dan agama sebagai anak Sarawak, termasuk Merayakan Hari Raya.

"Semangat silaturahmi dan perpaduan sesama kaum ini merupakan nilai utama di Sarawak yang dipraktik selama ini dan perlu dikekalkan bagi generasi yang akan datang demi membina Sarawak yang lebih maju dan kuat," kata Foo.

Dalam pilihan raya umum yang akan datang, Foo berkata Sarawak mesti terus mengekalkan pendiriannya dan menjaga kedaulatannya.